

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19

Para Konsultan sekalian,

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh kerajaan bagi tempoh 13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021, adalah dimaklumkan bahawa operasi di Ibu Pejabat Wisma PMB Kuala Lumpur dan pejabat-pejabat wilayah/negeri yang berada di bawah PKP akan beroperasi dengan bilangan kakitangan yang minima seperti berikut:-

Waktu urusaniaga : 9.00 pagi - 4.30 petang

Waktu penyerahan : 9.00 pagi - 2.30 petang

Waktu urusaniaga bagi pejabat-pejabat wilayah/negeri yang tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) adalah seperti waktu urusaniaga biasa.

Semua konsultan yang hadir ke Ibu Pejabat Wisma PMB Kuala Lumpur dan pejabat-pejabat wilayah/negeri berdekatan diminta untuk sentiasa mematuhi senarai SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan iaitu:-

1. Memakai Pelitup Muka ("Mask")
2. Mengimbas QR Code MySejahtera
3. Mengimbas Suhu Badan
4. Menggunakan "Hand Sanitiser"
5. Mengamalkan Penjarakan Sosial

Tuan/Puan para Konsultan boleh memilih untuk membuat serahan dokumen bagi transaksi Akaun Tunai SAHAJA melalui emel kepada investorrelation@pelaburanmara.com.my sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini berkuatkuasa. Sila pastikan dokumen adalah lengkap sebelum diemel, manakala dokumen asal hendaklah dipos/kurier ke Ibu Pejabat Wisma PMB Kuala Lumpur atau mana-mana pejabat wilayah/negeri yang berdekatan.

Segala urusan penyerahan borang (sekiranya ada) adalah disyorkan supaya menggunakan khidmat kurier ke alamat di bawah:-

Jabatan Perkhidmatan Pelanggan
PMB Investment Berhad
Tingkat 2, Wisma PMB
No. 1A, Jalan Lumut
50400 Kuala Lumpur
Tel : 03-4145 3900 ; Fax : 03-4145 3901
E-mail: investorrelation@pelaburanmara.com.my

Sekian, harap maklum dan terima kasih atas kerjasama yang diberikan.

Pengurusan PMB Investment Berhad

Tarikh: 12 Januari 2021